

Kafaah dalam Perkahwinan Masyarakat Arab Peranakan Keturunan Sayyid: Satu Kajian Awal

Kafaah in the marriages of the Arab Peranakan community of Sayyid descent: A preliminary study

Latifah Abdul Latiff^{1*}

¹ Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

Article progress

Received: 13 September 2024

Accepted: 22 October 2024

Published: 30 November 2024

*Corresponding author:
Latifah Abdul Latiff, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;
Email: latifah@usim.edu.my

Abstrak: Adat resam dan tradisi merupakan antara elemen utama budaya dalam masyarakat. Setiap kumpulan etnik atau bangsa mempunyai adat dan amalan yang tersendiri seperti perkahwinan. Perkahwinan merupakan salah satu elemen penting budaya dalam masyarakat bagi memastikan kesinambungan sesebuah kumpulan etnik dan ia turut melambangkan kelestarian seni dan budaya turun temurun nenek moyang. Masyarakat Arab keturunan Sayyid atau Sadah mempunyai tradisi dan budaya unik tersendiri berkaitan dengan perkahwinan iaitu kafaah atau sekufu. Namun, amalan kafaah yang diperlakukan oleh masyarakat Arab peranakan keturunan Sayyid yang mendakwa diri mereka daripada keturunan ahlus bait telah memberi kesan besar terhadap wanita Sadah. Kajian lepas menunjukkan bahawa wujud konflik berkenaan dengan isu kafaah dalam kalangan orang Arab di perantauan. Justeru, kajian ini cuba mengkaji amalan kafaah dalam kalangan masyarakat Arab peranakan keturunan Sayyid di Malaysia dan Indonesia dari segi sejarah dan pengamalan tradisi kafaah dalam perkahwinan Sadah secara ringkas. Selain itu, kajian ini juga cuba menyelidiki faktor yang mendorong komuniti Arab peranakan keturunan Sayyid begitu serius terhadap aspek kafaah dalam perkahwinan khasnya apabila melibatkan wanita Sadah. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif. Kajian kepustakaan dijalankan ke atas sumber literatur berkaitan bagi menganalisis secara kritis amalan kafaah dalam kalangan Arab keturunan Sadah di Malaysia dan Indonesia. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa masyarakat Arab peranakan keturunan Sadah sangat mengambil berat faktor kafaah atau sekufu dalam perkahwinan. Pengabaian terhadap aspek ini menyebabkan sesebuah perkahwinan tidak mendapat restu keluarga.

Kata kunci: kafaah, perkahwinan, nasab, Arab peranakan, Malaysia, Indonesia;

Abstract: Customs and traditions are among the main cultural elements in society. Each ethnic group or nation has customs and practices, such as marriage. Marriage is one of the important cultural elements in society that preserves the continuity of an ethnic group. It symbolizes the preservation of the arts and culture passed down from generation to generation. The Arab community of Sayyid or Sadah descent has unique traditions and culture related to marriage, namely kafaah or compatibility. However, the practice of kafaah by the Arab peranakan community of Sayyid descent, who claimed the descendant of ahlus bait, has had a significant impact on Sadah women. Previous studies have shown that there were conflicts regarding the issue of kafaah. Therefore, this study examines the practice of kafaah among the Arab peranakan community of Sayyid descent in

Malaysia and Indonesia of its historical aspect and practice of kafaah traditions in Sadah marriages. Additionally, this study also seeks to investigate the factors that drive the Arab peranakan community of Sayyid descent to be so serious about the aspect of kafaah in marriage, especially when it involves Sadah women. This study used a qualitative research approach. A literature review was conducted on related sources to critically analyze the practice of kafaah among the Arab Sadah community in Malaysia and Indonesia. The findings show that the Arab peranakan community of Sadah descent places great importance on the factor of kafaah or compatibility in marriage. Neglecting this aspect causes a marriage not to receive family approval.

Keywords: kafaah, marriage, lineage, Arab peranakan, Malaysia, Indonesia;

Pengenalan

Isu *kafaah* (kesetaraan dalam pernikahan) dalam konteks Rabitah Alawiyyah melibatkan perdebatan berkaitan dengan amalan tradisi perkahwinan dalam kalangan komuniti keturunan Arab Hadhrami atau Alawiyyin di Indonesia. *Kafaah* dalam Islam merujuk kepada kesetaraan antara pasangan dari segi status sosial, keturunan, agama, harta dan aspek lain yang dianggap penting dalam pernikahan. Dalam kalangan Rabitah Alawiyyah, khususnya bagi mereka yang berasal dari keturunan **Sayyid**, isu *kafaah* sering kali menjadi sangat signifikan kerana nilai tradisi dan kepentingannya dalam menjaga keturunan.

Masyarakat Arab peranakan di Malaysia merupakan generasi keturunan bangsa Arab yang telah berhijrah ke Tanah Melayu (Malaysia hari ini) dari Tanah Arab. Kebanyakan Arab peranakan keturunan Sayyid di Malaysia terdiri daripada orang Arab yang berasal daripada keturunan Ba Alawi dari Hadhramaut, Yaman. Penghijrahan orang Arab Hadhrami keturunan Sayyid ke Alam Melayu berlaku sekitar abad ke-16 Masihi berbanding pedagang Arab lain yang datang lebih awal atas urusan perdagangan di rantau ini khasnya kepulauan Melayu sekitar abad ke-15 dan ke-16 Masihi (Mahayudin, 1980).

Kebanyakan Arab Hadhrami tidak berhijrah secara langsung dari Hadhramaut ke Malaysia. Terdapat dalam kalangan mereka yang datang dari Palembang, Aceh, Gujarat, India dan Singapura sebelum mereka bermastautin di negeri-negeri Melayu dan negeri-negeri selat (Mahayudin, 1980). Generasi awal Arab Hadhrami yang berhijrah ke Tanah Melayu terdiri daripada ahli perniagaan, pedagang dan juga tokoh agama. Mereka membina hubungan baik dengan golongan pemerintah tempatan seperti kerabat diraja. Hubungan baik ini banyak membantu mereka dalam menjalani kehidupan dalam masyarakat Melayu (Omar, 1978).

Di Indonesia, Rabitah Alawiyyah merupakan satu organisasi yang mewakili masyarakat Arab keturunan Hadhrami daripada keturunan Sayyid, iaitu mereka yang mengaku sebagai keturunan langsung Nabi Muhammad SAW melalui Ali bin Abi Talib r.a. dan Fatimah binti Muhammad r.a. (Mahayudin, 1980; Latifah, 2013). Dalam tradisi Alawiyyin, *kafaah* dalam perkahwinan telah lama diamalkan untuk memastikan kemurniaan keturunan dan mengelakkan percampuran yang dianggap tidak setara. Antara tujuan tradisi *kafaah* dipraktikkan dalam kalangan Arab keturunan *Sadah* ialah bagi menjaga kemurniaan keturunan dan mengelakkan daripada percampuran hubungan perkahwinan yang dianggap tidak setara. Perkahwinan antara wanita *Sadah* dengan lelaki bukan keturunan *Sadah* kadangkala dipandang rendah oleh sesetengah anggota komuniti kerana dianggap mencemar keturunan yang mulia. Ia seringkali terjadi dan menjadi kontroversi terutama apabila melibatkan generasi muda yang ingin berkahwin dengan lelaki di luar keturunan *Sadah* (Aljunied, 2013).

Dalam kalangan golongan konservatif Rabitah Alawiyyah, tradisi *kafaah* dianggap sebagai satu cara untuk menjaga identiti komuniti Arab Hadhrami, mengelakkan percampuran dengan kelompok luar dan memastikan nilai-nilai agama dan budaya dipertahankan. Ini berkaitan dengan anggapan bahawa hanya mereka yang berasal dari keturunan yang setara dapat memahami dan menghormati tradisi yang telah diwarisi. Walaupun amalan *kafaah* masih dipertahankan oleh beberapa anggota Rabitah Alawiyyah, terdapat juga perdebatan dalam kalangan generasi muda dan segelintir ulama yang lebih progresif mengenai kerelevanannya dalam dunia moden. Sesetengah pihak berpendapat bahawa penekanan berlebihan pada *kafaah* berdasarkan keturunan boleh menghalang kemajuan sosial dan perkahwinan yang sepatutnya lebih berdasarkan nilai-nilai agama seperti akhlak, iman dan takwa (Natalie, 1999).

Kajian Literatur

Kajian literatur berhubung aspek *kafaah* dalam perkahwinan antara lelaki *Sadah* dengan wanita bukan *Sadah* dan gadis *Sadah* atau Syarifah dengan lelaki bukan keturunan *Sadah* tidak banyak dibincangkan. Namun, ada beberapa kajian lepas yang ditulis menggambarkan konflik berikutan perkahwinan yang tidak sekufu dan tidak dipersetujui oleh ahli keluarga. Aspek pemilihan jodoh yang sekufu dalam kalangan Syarifah iaitu wanita keturunan *Sadah* bukanlah satu isu yang baru. Bagi keluarga *Sadah* yang berpegang kuat kepada tradisi *kafaah* ia merupakan satu cabaran kepada wanita *Sadah* dan keluarganya dalam mencari pasangan yang sesuai dan sekufu. M. Hasyim Assaqaf (2000) dalam penulisan beliau yang bertajuk, *Derita Putri-putri Nabi: Studi Historis Kafa'ah Syarifah*, turut membincangkan mengenai isu *kafaah* yang menjadi dilema dalam kalangan wanita Arab peranakan di Indonesia.

Kafaah adalah penting dalam sesebuah perkahwinan dan ia perlu diberi perhatian kerana ia merupakan antara kaedah yang dianjurkan oleh Islam dan pertimbangan yang baik adalah perlu dalam pemilihan pasangan hidup yang sesuai iaitu berkualiti dari aspek jasmani, rohani dan material, seimbang dari aspek agama dan juga sosial di mana ia mampu menjaga kemaslahatan dalam membina kehidupan rumah tangga yang harmoni. Sekiranya terdapat perbezaan yang ketara antara pasangan, ia boleh membawa kepada tercetusnya konflik rumah tangga. Kajian ini memberi fokus kepada aspek agama, pendidikan, ekonomi dan usia. Namun, aspek *kafaah* bukanlah menjadi faktor berlakunya penceraian secara zahir, namun, ia sedikit sebanyak turut menyumbang kepada penyebab secara tidak langsung kepada konflik rumah tangga berikutan jurang perbezaan yang banyak antara suami dan isteri dalam pelbagai aspek kehidupan (Nurhanisah et.al, 2021). Dalam kajian lain Nurhanisah et. al (2024) turut menyentuh mengenai aspek persefahaman sebagai elemen penting dalam sesebuah perkahwinan. Hasil daripada statistik Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) mendapati pemilihan pasangan yang tidak sekufu atau mempunyai perbezaan jurang yang sangat ketara antara pasangan merupakan antara faktor utama yang mendorong kepada ketidakfahaman antara suami isteri dan membawa kepada penceraian. Kajian yang dijalankan ini mendapati bahawa persefahaman antara pasangan mempunyai perkaitan yang tinggi dengan sekufu. Fatwa yang dikeluarkan oleh Pejabat Mufti turut menekankan aspek *kufu'* atau sekufu dalam perkahwinan dan ia adalah penting dalam membina keluarga bahagia iaitu ia merujuk kepada persefahaman antara pasangan suami dan isteri, dan bukan semata-mata merujuk kepada

keluarga mereka (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019: Al-Kafi #1153). Manakala, Natalie (1999) dan Latifah (2016) dalam penulisan mereka turut menyentuh mengenai aspek *kafaah* yang menjadi amalan masyarakat Arab keturunan *Sadah* di Indonesia. Isu *kafaah* dalam perkahwinan telah menjadi isu hangat di Indonesia pada awal abad ke-20. Pemilihan calon suami kepada wanita keturunan *Sadah* atau Syarifah haruslah sama taraf atau sekufu iaitu yang merujuk kepada kesetaraan pada keturunan di mana wanita *Sadah* tidak dibenarkan untuk berkahwin dengan lelaki selain daripada keturunan *Sadah* atau Sayyid. Pue Giok Hun (2015) dalam penulisan beliau bertajuk, *Perkahwinan Campur dan Fenomena Peranakan di Semenanjung Malaysia*, turut menyentuh secara ringkas mengenai komuniti Arab peranakan di Semenanjung Malaysia yang agak konservatif dalam isu perkahwinan. Namun, terdapat dalam kalangan lelaki Arab yang mengahwini wanita Melayu tempatan daripada golongan bangsawan atau diraja.

Penghijrahan awal orang Arab Hadhrami hanya melibatkan golongan lelaki. Mereka meninggalkan keluarga di Hadhramaut merantau ke negara asing mencari rezeki. Orang Arab keturunan Sayyid daripada generasi awal mempunyai hubungan rapat dengan raja dan golongan bangsawan. Terdapat dalam kalangan mereka yang mengahwini wanita tempatan daripada kerabat diraja dan bangsawan. Ketokohan orang Arab Hadrami keturunan Sayyid dalam aspek agama dan juga status mereka sebagai keturunan Nabi Muhammad SAW menyebabkan mereka diterima dengan mudah oleh masyarakat Melayu. Malah, mereka juga dianggap setaraf dengan raja dan pembesar Melayu pada ketika itu (Latifah, 2013).

Secara ringkasnya, *kafaah* atau sekufu dalam konteks umum yang dibahaskan oleh pengkaji lepas lebih memfokus kepada aspek persefahaman dan keseimbangan antara lelaki dan perempuan sama ada dari segi ilmu agamanya, pendidikan, ekonomi dan juga usia. Sekiranya jurang sekufu ini terlalu jauh dan besar, berkemungkinan ia akan membawa kepada konflik rumah tangga dan perceraian. Namun, aspek *kafaah* yang diberi perhatian oleh masyarakat Arab peranakan keturunan Sayyid atau *Sadah* yang juga dikenali sebagai Alawiyyin ialah dari segi nasab keturunan bakal suami atau menantu lelaki mestilah daripada keturunan Sayyid, iaitu berdarah Arab.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Kajian kepustakaan dijalankan bagi mendapatkan data daripada kajian lepas berkaitan dengan isu *kafaah* di Malaysia dan Indonesia dalam

kalangan Arab peranakan keturunan *Sadah*. Data berkaitan dianalisis secara deskriptif dan kritis bagi membincangkan amalan *kafaah* dalam kalangan Arab peranakan yang berketurunan *Sadah* serta kesan pengabaian terhadap aspek *kafaah* dalam perkahwinan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa lelaki dan wanita keturunan Arab di Malaysia dan Indonesia sedar mengenai tradisi *kafaah* atau sekufu dalam aspek perkahwinan. Masih terdapat dalam kalangan Arab peranakan pada hari ini yang mempraktikkan tradisi *kafaah* dalam perkahwinan. Namun, cinta kadangkala tidak mengenal keturunan dan paras rupa. Perkahwinan antara wanita *Sadah* dengan lelaki bukan dari keturunan Sayyid atau *Sadah* yang tidak mendapat restu keluarga seringkali menghadapi isu dipulaukan oleh ahli keluarga keturunan *Sadah* (Latifah, 2016). Dalam aspek perkahwinan, wanita *Sadah* daripada komuniti Arab peranakan di perantauan dan juga di Hadhramaut, Yaman masih lagi mengutamakan perkahwinan secara endogami.

Konsep *Kafaah* dalam Islam

Kafaah atau sekufu dalam bahasa Melayu bermaksud setaraf, sedarjat atau sama martabatnya (Kamus Dewan Edisi Keempat). *Kafaah* dalam bahasa Arab bermaksud “kesamaan, sepadan dan sejodoh”. Manakala dalam hal perkahwinan, *kafaah* bermaksud “keseimbangan dan keserasian antara calon isteri dan suami dalam hal tingkatan sosial, moral, ekonomi sehingga masing-masing calon tidak merasa berat untuk melangsungkan perkahwinan” (Husni, 2017). Dalam hal ini *kafaah* bukanlah penentu kepada sah atau tidak sesebuah perkahwinan. *Kafaah* merupakan hak bagi wanita dan walinya. *Kafaah* atau keseimbangan, keserasian, kesesuaian, keserasian antara calon isteri dan suami dari segi kedudukan atau status sosial dalam masyarakat, moral dan ekonomi adalah penting bagi mengelakkan daripada berlaku permasalahan di kemudian hari seperti perceraian atas faktor perbezaan sosial yang begitu ketara. Dalam hal ini, Islam memberi keutamaan dalam memilih jodoh yang baik dari aspek agama dan akhlak yang mulia (Husni, 2017).

Menurut Wahbah Zuhaili yang dipetik daripada Husni (2017) mengatakan bahawa dalam Mazhab Hanafi, lelaki asing tidak setara dengan perempuan Arab, meskipun orang lelaki tersebut merupakan seorang ilmuwan mahupun seorang usahawan. Justeru, bangsa Arab memandang tinggi kepada nasab seseorang dan ia menjadi kebanggaan bagi orang Arab apabila mempunyai keturunan nasab yang luhur. Hal ini berbeza

dengan orang kebanyakan pada zaman moden hari ini seperti masyarakat Melayu yang tidak terlalu ketat dalam mengamalkan tradisi *kafaah* dalam perkahwinan. Namun, keserasian antara pasangan lelaki dan perempuan adalah penting dalam sesebuah perkahwinan bagi mengelakkan daripada berlaku masalah di kemudian hari.

Manakala dalam mazhab Imam Syafi'i, *kafaah* dijadikan sebagai syarat kelaziman perkahwinan. *Kafaah* bermaksud “sepadan atau setara” iaitu dari segi istilah iaitu “*Amrun yujibu adamuhu 'aran*” yang bermaksud, perkara yang ketiadaannya menjadikan kehinaan, yakni kesamaan suami isteri dalam kesempurnaan atau menjaga keselamatan dari aib dalam pernikahan. Sah atau tidak sesuatu perkahwinan tidak bergantung kepada adanya *kafaah* dalam sesebuah pernikahan sekalipun tiada sekufu di antara kedua-dua pasangan lelaki dan perempuan, pernikahan tetap sah mengikut hukum. Erti *kafaah* dalam pernikahan dari pandangan Imam Syafi'i ialah menyamakan kedudukan pasangan lelaki dan perempuan iaitu menjaga keseimbangan status calon suami dan isteri. Manakala Abu Bakar al-Dimyathi r.h.m. (wafat 1310H) merupakan antara ulama kontemporari mazhab Syafi'i yang menyatakan bahawa *al-kafaah* atau *al-kufu'* menurut syarak ialah sesuatu ketetapan yang mana jika tidak dipenuhi akan menyebabkan keibaikan kepada keluarga. Justeru, garis panduan diberikan bagi mengelakkan keluarga diaibkan serta memastikan kedua-dua bakal pengantin lelaki dan perempuan sekufu dalam segenap aspek melainkan aspek kecacatan (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019).

Kriteria *kafaah* menurut Imam Syafi'i adalah dilihat dari aspek agama, keturunan, status kemerdekaan, kehormatan dan bebas dari aib. Menurut Imam Syafi'i, tidak sekufu bagi orang Islam yang menikahi orang bukan Islam begitu juga orang yang fasik atas sebab perbuatan zina. Maka, lelaki tersebut tidak sekufu dengan perempuan solehah meskipun lelaki berkenaan telah bertaubat kerana aibnya (Abu Bakar, 2018).

Manakala dalam aspek keturunan, Imam Syafi'i berpandangan bahawa manusia terbahagi kepada dua iaitu orang Arab dan orang *ajam*. Orang Arab pula dibahagikan kepada dua, iaitu bangsa Quraisy dan bukan Quraisy. Lelaki yang bukan dari bangsa Quraisy tidak sekufu dengan perempuan dari bangsa Quraisy. Bahkan, tidak sekufu bagi golongan bangsawan Arab dengan orang biasa dan sebaliknya. *Kafaah* dalam hal keturunan dikaitkan dengan orang Arab kerana mereka akan berasa rendah diri jika berkahwin dengan orang yang bukan dari golongan dan keturunan mereka (Ulya, 2021).

Terdapat hadis Nabi SAW yang meriwayatkan tentang perkahwinan dalam Islam sebagaimana yang

dinukilkan dalam Sahih Bukhari. Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Nabi Muhammad SAW telah bersabda:

“ Wanita dikahwini kerana empat hal; kerana harta bendanya, kerana status sosialnya, kerana keindahan wajahnya dan kerana ketaatannya kepada agama. Pilihlah wanita yang taat kepada agama, maka kamu akan bahagia.” (Sahih Bukhari, Koleksi 1, No. 1588).

Dalam membahaskan isu berhubung aspek *kafaah* dalam perkahwinan, al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani dalam kitab beliau, *Fathul Bari* (9/133) telah memberi komentar bahawa hadis-hadis yang mensyaratkan sekufu dalam aspek keturunan kesemuanya tidak sahih (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2020). Sungguhpun begitu, ini tidak bermakna aspek *kafaah* atau sekufu diketepikan dalam soal mencari pasangan hidup. Hal ini kerana aspek keturunan perlu juga diberi perhatian bagi menjaga kestabilan rumah tangga dan mengelakkan daripada pandangan serong oleh masyarakat. Sekufu atau sepadan antara pasangan suami isteri sama ada dari aspek pendidikan, taraf sosial dan kedudukan dalam masyarakat mahupun aspek agamanya perlu diberi perhatian bagi memastikan kebahagiaan dan keharmonian hidup pasangan serta memastikan kemuliaan susur galur keturunan terpelihara.

Konsep Kafaah dalam Perkahwinan Ahlul Bait

Masyarakat Arab peranakan khasnya dalam kalangan keturunan Sayyid berpegang kuat kepada amalan *kafaah* dalam perkahwinan. Ia antara lain bertujuan bagi menjaga nasab atau salasilah keturunan mereka agar tidak terputus daripada salasilah keturunan Nabi Muhammad SAW. Walaupun dunia kini sudah moden, namun masih terdapat dalam kalangan masyarakat Arab keturunan *Sadah* atau orang Melayu berdarah Arab daripada keturunan Arab peranakan pada hari ini yang masih berpegang kuat kepada tradisi *kafaah* dalam mencari jodoh kepada wanita *Sadah* iaitu Syarifah. Penghijrahan keluar orang Arab Hadhrami keturunan Sayyid daripada kalangan imigran awal ke Kepulauan Melayu khasnya Tanah Melayu dari Hadhramaut, Yaman terdiri daripada golongan lelaki. Mereka tidak membawa ahli keluarga. Justeru, perkahwinan antara lelaki Arab keturunan Sayyid dengan wanita tempatan bukanlah perkara asing pada ketika itu. Terdapat dalam kalangan mereka yang mengahwini wanita Melayu daripada kerabat diraja dan golongan bangsawan (Latifah, 2013).

Komuniti Arab keturunan *Sadah* iaitu daripada kalangan ahlul bait mempunyai sejarah mereka yang tersendiri. Keturunan ahlul bait merujuk kepada zuriat

dan keturunan Ali bin Abi Talib r.a. dengan Fatimah binti Muhammad r.a. Selepas pembunuhan khalifah Ali bin Ali Talib r.a. pada tahun 661 Masihi, keturunannya menghadapi penganiayaan yang teruk di bawah pemerintahan khalifah Umayyah. Peristiwa Karbala yang berlaku pada 10 Muharram 680 Masihi di Iraq telah menyaksikan pembunuhan Husain bin Ali bin Abi Talib, cucu Nabi Muhammad SAW dan pengikutnya. Keturunan Ali r.a. terus menerus ditindas oleh pemerintah Dinasti Umayyah dan Abasiyyah. Keturunan Ali r.a. dianggap berbahaya dan menjadi ancaman kepada pemerintahan Dinasti Umayyah dan Abasiyyah. Bagi menjaga dan memastikan kelangsungan keturunan ahlul bait, perkahwinan dalam kalangan mereka khususnya wanita *Sadah* dilakukan dalam kelompok kumpulan mereka (Subchi, 2020). Keluarga Alawi pada mulanya tidak berpegang kepada mana-mana mazhab kerana mereka merupakan golongan mujtahid. Namun, di Hadhramaut mereka mula berpegang kepada mazhab Syafi'i. Muhammad al-Faqih al-Muqaddam merupakan tokoh kumpulan Alawi yang turut berpegang kepada mazhab Syafi'i di mana beliau kemudiannya telah menubuhkan tarekat Alawiyyah (Assegaf, 2000). Ketentuan *kafaah* dalam mazhab Syafi'i berhubung aspek perkahwinan memberi peluang kepada golongan Alawiyyah untuk membuat ketetapan bahawa wanita *Sadah* iaitu Syarifah hanya berkahwin dengan Sayyid daripada keturunan *Sadah* sahaja (Subchi, 2020).

Di Hadhramaut, institusi *naqabah* diwujudkan sekitar abad ke-13 Masihi. *Naqabah* berfungsi untuk mempertahankan dan menjaga kedudukan dan kepentingan keturunan *Sadah* atau Alawiyyah serta melindungi kehormatan dan menyelesaikan permasalahan yang timbul pada peringkat dalaman dan luaran. Peranan *naqabah* termasuklah memastikan wanita *Sadah* (Syarifah) hanya berkahwin dengan lelaki *Sadah* dan mengelakkan mereka daripada mengahwini lelaki yang tidak sekufu atau tidak setaraf (Assegaf, 2000; Subchi, 2020). Kedudukan *Sadah* di Hadhramaut merupakan golongan yang mulia dan dihormati oleh masyarakat kerana mereka daripada keturunan ahlul bait serta keilmuan mereka dalam agama. Golongan *Sadah* daripada kalangan ulama menjadi tempat rujukan umat Islam di Hadhramaut, Yaman dan juga di perantauan.

Cabarani Perkahwinan Wanita Sadah

Perkahwinan tidak hanya melibatkan hubungan antara suami dan isteri. Malah, ia turut melibatkan hubungan kekeluargaan antara kedua-dua belah pihak lelaki dan perempuan. Persefahaman antara kedua-dua pasangan adalah penting bagi memastikan kehidupan rumah tangga berjalan dengan baik. Isu *kafaah* atau sekufu telah lama dibincangkan dalam masyarakat Arab

dan ia turut menjadi isu hangat pada awal abad ke-20 Masihi dalam kalangan Arab Hadhrami di Indonesia dan juga di Hadhramaut, Yaman (Natalie, 1999). Beberapa fatwa telah dikeluarkan berhubung isu perkahwinan Sharifah dengan lelaki bukan Arab dan ia turut dibincangkan dalam al-Manar (al-Manar, 1904, pp. 381-384). Sebagai contoh di Indonesia, perkahwinan seorang Syarifah dengan lelaki India Muslim telah menimbulkan isu dalam kalangan komuniti *Sadah*. Walaupun perkahwinan tersebut mendapat restu daripada kedua-dua belah pihak keluarga lelaki dan perempuan, terdapat dalam kalangan Sayyid yang tidak berpuas hati. Mereka telah menyuarakan perkara ini kepada al-Manar meminta pandangan berhubung status perkahwinan tersebut. Jawapan yang diberikan oleh al-Manar mengatakan bahawa perkahwinan tersebut adalah sah dan halal dan ia mematuhi syariat (Al-Manar, 1905, pp. 215-217).

Walau bagaimanapun, sekumpulan *Sadah* yang diketuai oleh Sayyid Umar al-Attas iaitu seorang tokoh Arab Hadhrami dari Padang, Indonesia terkilan dengan fatwa yang dikeluarkan oleh al-Manar. Beliau telah mengeluarkan satu fatwa baru menentang perkahwinan ini dengan mengatakan bahawa perkahwinan Syarifah dengan lelaki bukan Sayyid adalah tidak sah dan haram. Hujah beliau adalah bahawa kedua-dua pasangan ini telah melanggar peraturan *kafaah* iaitu wanita Arab tidak dibenarkan berkahwin dengan lelaki bukan Arab (Bujra, 1967).

Gordon dalam penulisan beliau turut menyentuh mengenai isu *kafaah* dalam perkahwinan keluarga *Sadah*. Menurut beliau, golongan *Sadah* menganggap diri mereka sebagai tuan dan orang Islam yang lain merupakan hamba kepada Ali bin Abi Talib dan keturunannya. Dalam hal ini, termasuklah keturunan Sayyid yang mendakwa sebagai keturunan Nabi Muhammad SAW melalui cucu baginda Hussin bin Ali bin Abi Talib. Oleh demikian, orang Arab tidak dibenarkan berkahwin dengan bukan Arab khususnya Syarifah (Gordon, 1999). Daripada pernyataan Gordon ini, ia menunjukkan bahawa golongan wanita *Sadah* tidak bebas dalam memilih pasangan hidup. Perkara ini berbeza dengan pendapat Sayyid Esa al-Menoar. Menurut Sayyid Esa, terdapat kelonggaran kepada Syarifah dalam memilih pasangan selain daripada keturunan Sayyid iaitu daripada kerabat diraja. Ini kerana menurut beliau, golongan *Sadah* setaraf kedudukannya dengan kerabat diraja di Malaysia. Sayyid Esa al-Menoar merupakan seorang Arab keturunan Hadhrami di Singapura. Beliau turut menyentuh tentang isu *kafaah* di Singapura yang meletakkan keturunan Sayyid pada kedudukan yang tinggi berbanding syciik dan orang Arab biasa. Menurut beliau, golongan Sayyid mempunyai hubungan rapat dengan kerabat diraja. Justeru, Syarifah dibenarkan untuk berkahwin dengan

kerabat diraja dan Sayyid dibenarkan untuk berkahwin dengan tengku. Malah, di Malaysia golongan *Sadah* dianggap sama taraf dengan kerabat diraja (Al-Menoar Oral History 000321).

Di Yaman, aspek *kafaah* bukanlah satu perkara baharu. *Kafaah* dalam perkahwinan merupakan satu amalan turun temurun bagi masyarakat Islam di Hadhramaut. Bakal suami haruslah sama taraf dengan wanita iaitu dari status sosial yang sama atau lebih tinggi taraf status sosialnya. Namun, terdapat dalam kalangan Arab Hadhrami tradisional yang mentafsirkan bahawa *kafaah* atau sekufu merujuk kepada kesetaraan pada keturunan dan Syarifah dilarang mengahwini lelaki daripada kumpulan keturunan yang lebih rendah daripadanya. Justeru, gadis daripada keturunan Sayyid hanya berkahwin dengan keturunan Sayyid sahaja (Natalie, 1999). Menurut Van Den Berg (1989), perkahwinan anak gadis daripada golongan Sayyid dengan lelaki bukan daripada keturunan Sayyid adalah dilarang. Meskipun ia bukan daripada hukum Islam, namun adat dan budaya masyarakat Hadhramaut menetapkan larangan yang sedemikian (Van Den Berg, 1989).

Umumnya, kebanyakan orang Arab keturunan Sayyid (*Sadah*) bersepakat dalam isu *kafaah* mengenai kelayakan dalam perkahwinan iaitu mereka tidak akan mengahwinkan anak perempuan mereka kepada sesiapa sahaja melainkan hanya kepada Sayyid atau Sharif. Namun, keluarga Zaidi di Yaman kurang tegas dalam hal *kafaah* apabila melibatkan aspek perkahwinan. Bahkan, soal *kafaah* dalam perkahwinan telah menyebabkan perpecahan dalam kalangan orang Arab Hadhrami di Jawa, Indonesia yang akhirnya menyebabkan orang Arab di Indonesia terbahagi kepada dua kelompok, iaitu golongan Irshadi dan golongan Alawi. Fatwa yang telah dikeluarkan berhubung isu *kafaah* dilihat bertentangan dengan amalan dan ijтиhad golongan Sayyid Alawiyin di Hadhramaut. Serangan ke atas Syeikh Surkati telah memberi kesan di Hadhramaut, malah ia turut diulang siar dalam jurnal al-Manar sehingga menimbulkan rusuhan di Jawa (Serjeant, 1957). Fatwa yang dikeluarkan oleh Syeikh Surkati iaitu seorang alim di Jami'at al-Khayr, berhubung isu *kafaah* yang membolehkan gadis keturunan Sayyid iaitu Syarifah untuk berkahwin dengan lelaki bukan keturunan Sayyid telah menyebabkan beliau dikecam dan dipulau oleh Sayyid Alawiyin di Indonesia. Ini kerana fatwa beliau bertentangan dengan ijтиhad para tokoh ilmuwan (ulama) golongan Sayyid Alawiyin di Hadhramaut, Yaman (Hikmawan, 2013).

Di Indonesia, sekiranya terjadi perkahwinan yang melanggar tradisi *kafaah* khasnya yang melibatkan golongan Syarifah, kebiasaannya mereka akan dikenakan pengawalan sosial oleh ahli keluarga mereka sendiri

mahu pun daripada kaum kerabat yang lain. Sama ada di Malaysia mahu pun di Indonesia, masih terdapat dalam kalangan keluarga keturunan Sayyid yang ingin terus menjaga dan mempertahankan tradisi *kafaah* dalam perkahwinan bagi menjaga keaslian dan kesinambungan nasab keturunan mereka (Hikmawan, 2013). Dalam sesetegah keadaan, Syarifah yang melanggar tradisi *kafaah* ini juga akan dikenakan hukuman tertentu yang agak berat seperti dibuang daerah, dianggap mati atau terputus hubungan dengan ahli keluarga. "Mereka harus pergi dari desa, dianggap mati, dibunuh atau dianggap tidak pernah ada di dunia, serta diputuskan segala hubungan dengan mereka" (Assagaf, 2000). "Seorang gadis (syarifah) yang didapati ada hubungan kasih dengan lelaki bukan Sayyid akan dikurung dalam kamar. Ia akan segera dinikahkan dengan seorang pemuda Sayyid. Si Sayyid biasanya bersedia menikah dengan gadis itu demi membela martabat Syarifah" (Assaggaf, 2000, p. 256).

Dalam konteks masyarakat Malaysia hari ini, isu *kafaah* masih lagi diperkatakan. Namun, ia bukanlah satu isu hangat yang dibahaskan secara umum. Pada tahun 2020, satu fatwa telah dikeluarkan oleh Mufti Wilayah Persekutuan berhubung persoalan perkahwinan iaitu, 'Bolehkah Syarifah berkahwin dengan bukan Syed?'. Satu penerangan yang jelas telah diberikan berhubung persoalan ini dalam Irsyad Al-Fatwa Siri ke-421. Antara yang dipersoalkan ialah adakah terdapat dalil atau nas yang menyatakan bahawa seorang Syarifah tidak boleh berkahwin dengan bukan Syed? (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2020). Daripada soalan ini jelas menunjukkan bahawa masih terdapat kekeliruan dan tanda tanya dalam kalangan wanita keturunan Sayyid, iaitu Syarifah berhubung soal pernikahan yang melibatkan *kafaah*.

Pendekatan Bagi Menangani Isu Perkahwinan Wanita Sadah

Masyarakat Arab Hadhrami di Yaman tidak menghadapi masalah dalam aspek mencari calon isteri dan suami kepada anak-anak mereka. Namun, ia menjadi satu isu bagi keluarga Arab Hadhrami keturunan Sayyid yang berada di perantauan. Atas faktor kekurangan calon suami yang setaraf dan sekufu, terdapat dalam kalangan keluarga Arab Hadhrami yang menjemput lelaki keturunan Sayyid dari negara asal mereka untuk berhijrah ke Tanah Melayu (Malaysia dan Singapura) bagi mengahwini anak gadis mereka. Sebagai contoh Sayyid Umar ibn Ali al-Junied meminta anak saudaranya Abd Rahman dari Tarim, Yaman untuk mengahwini salah seorang daripada anak perempuan beliau (Freitag, 2002). Tujuannya adalah antara lain bagi mengekalkan nasab keturunan *Sadah* dalam salasilah keluarga al-

Junied dan juga membantu menguruskan perniagaan keluarga.

Masyarakat keturunan Sayyid secara umumnya amat mementingkan hubungan perkahwinan dan nasab keturunan mereka. Ibu bapa mengutamakan anak gadis mereka mengahwini lelaki Arab keturunan Sayyid berbanding lelaki bukan Arab. Malah terdapat dalam kalangan ibu bapa yang rela anak gadis mereka tidak berkahwin atau menjadi anak dara tua daripada mengahwinkan mereka kepada lelaki bukan Arab. Orang Arab keturunan Sayyid mementingkan nasab sebelah lelaki. Manakala bagi wanita *Sadah* daripada keturunan Sayyid iaitu Syarifah, mereka dikehendaki berkahwin dengan lelaki daripada keturunan Sayyid bagi mengekalkan salasilah keluarga. Perkara ini amat penting bagi memastikan nasab keturunan mereka terpelihara (Omar, 1978). Situasi ini berbeza dengan lelaki Arab *Sadah* iaitu tiada halangan kepada mereka untuk mengahwini wanita selain daripada keturunan *Sadah* kerana keluarga *Sadah* mementingkan nasab keluarga sebelah lelaki. Oleh itu, perkahwinan antara lelaki *Sadah* dengan gadis tempatan dibenarkan dan ia menjadi perkara biasa dalam masyarakat Malaysia. Kebanyakan lelaki *Sadah* yang berkemampuan akan berkahwin dan mempunyai lebih daripada seorang isteri. Poligami bukanlah perkara asing bagi lelaki Arab.

Di Indonesia, masyarakat keturunan Arab secara umumnya terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu al-Irsyad al-Islamiyyah dan Rabitah Alawiyyah. Masyarakat Arab daripada Rabitah Alawiyyah mementingkan identiti dan nasab keturunan mereka. Sehingga kini, ramai dalam kalangan Rabitah Alawiyyah yang masih berpegang kepada sistem *kafaah* dalam aspek perkahwinan. Maktab Daimi bertanggungjawab menjaga dan merekodkan nasab keturunan Arab Alawiyyin (Ainur, 2022). Keturunan Arab Alawiyyin dihormati dalam masyarakat di Hadhramaut dan juga di luar negara mereka kerana status mereka sebagai keturunan Nabi Muhammad SAW.

Isu *kafaah* dalam perkahwinan melibatkan keturunan Sayyid dan generasi penyambung mereka bukannya satu isu yang baru. Orang Arab daripada keturunan *Sadah* berusaha menjaga aspek *kafaah* dalam perkahwinan agar salasilah atau jurai keturunan mereka tidak terputus daripada nasab nenek moyang mereka iaitu Nabi Muhammad SAW. Namun, faktor penghijrahan atau diaspora Arab telah mempengaruhi salasilah keturunan mereka apabila berlaku perkahwinan campur antara keturunan *Sadah* dengan masyarakat setempat yang bukan daripada keturunan *Sadah* mahupun Arab. Ia merupakan satu tradisi bagi masyarakat Arab keturunan Sayyid dari keluarga Alawi untuk mengahwinkan anak gadis mereka iaitu Syarifah dengan Sayyid. Malah ada yang sanggup untuk menjemput lelaki keturunan sayyid

dari Hadhramaut, Yaman untuk mengahwini anak gadis mereka di perantauan. Bagi menjaga nasab keturunan Alawi daripada terputus, sebuah badan yang dikenali sebagai Pusat Statistik Alawiyin telah diwujudkan oleh Rabithah Alawiyyah yang beroperasi sehingga ke hari ini bagi mengumpul maklumat berhubung orang Arab keturunan Sayyid di rantau ini. Melalui laman sesawang Rabithah Alawiyyah, seseorang Syarifah dan Sayyid dapat menjelaki susur galur nasab keturunan mereka sehingga ke Nabi Muhammad SAW (Sh Zahra, 2013).

Kesimpulan

Komuniti Arab peranakan daripada keturunan *Sadah* begitu menjaga tradisi *kafaah* dalam aspek perkahwinan, khasnya apabila ia melibatkan perkahwinan Syarifah. Namun, Sayyid mempunyai kebebasan dalam memilih pasangan hidup sama ada daripada keturunan *Sadah* mahupun bukan daripada keturunan *Sadah* kerana nasab keluarga *Sadah* adalah pada sebelah bapa atau lelaki. Kepentingan dalam menjaga nasab keturunan ahlul bait supaya tidak terputus daripada salasilah keturunan Nabi Muhammad SAW melalui cucu cicit dan anak baginda Fatimah r.a. merupakan antara faktor utama mengapa komuniti Arab peranakan keturunan *Sadah* di Malaysia dan Indonesia begitu menekankan aspek *kafaah* dalam perkahwinan khususnya dalam kalangan wanita *Sadah*. Justeru, komuniti Arab keturunan *Sadah* berusaha mempertahankan tradisi *kafaah* dalam perkahwinan iaitu dengan mengamalkan perkahwinan secara endogami bagi anak perempuan (Syarifah) mereka bagi memastikan nasab keturunan *Sadah* terjaga.

Perubahan sosial dalam masyarakat pada masa kini turut mempengaruhi persepsi golongan muda keturunan Arab terhadap tradisi *kafaah*. Ia turut menjadi cabaran kepada generasi konservatif dan ahli keluarga yang lebih tua untuk mempertahankan tradisi *kafaah* dalam perkahwinan apabila generasi muda hari ini lebih bersikap terbuka dalam aspek perkahwinan. Perubahan sosial ini boleh membawa kepada konflik dalam keluarga Arab keturunan *Sadah*. Seiring dengan peredaran masa dan zaman, kini terdapat dalam kalangan generasi muda keturunan Arab peranakan daripada keturunan *Sadah* yang lebih bersikap terbuka dan tidak terikat dengan tradisi *kafaah* yang diamalkan oleh keluarga dan nenek moyang mereka. Perkahwinan campur antara keturunan Arab dengan etnik selain Arab menjadi perkara biasa pada hari ini. Perkahwinan tidak hanya melibatkan faktor sekufu dan keturunan, bahkan ia turut melibatkan soal hati dan perasaan. Perlu wujud rasa kasih dan sayang; mahabbah dan rahmah dalam kalangan pasangan suami dan isteri bagi memikul tanggungjawab melahirkan generasi Muslim yang seimbang dunia dan

akhirat dalam membina peradaban insan dan ummah yang cemerlang.

Rujukan

- Abu Bakar. (2018). *Kafaah Sebagai Pertimbangan dalam Perkahwinan Menurut Mazhab Syafi'i*. *Jurnal Hukum Kaidah: Media Komunikasi dan Informasi Hukum dan Masyarakat*, 18(1), 52-65. <https://doi.org/10.30743/jhk.v18i1.914>
- Ainur Rofiq Al Amin. (2022). The Identity Dilemma of Arab Descendants in Indonesia. *Kemanusiaan*, 29(2), 157-176. <https://doi.org/10.21315/kajh2022.29.2.8>
- Aljunied, S. Zahra. (2013). The genealogy of the Hadhrami Arabs in Southeast Asia – the ‘Alawi Family’. <https://library.ifla.org/id/eprint/182/1/220-aljunied-en.pdf>
- Al-Menoar Oral History 000321. Temubual - Oral History@ archive online, Singapore. AlMenoar Syed Esa (Tan Sri) Accession Number 000321.
- Assaggaf, Muhammad Hasyim. (2000). *Derita Putri-Putri Nabi: Studi Historis Kafa'ah Syarifah*. Remaja Rosdakarya.
- Bujra, A. S. (1967). Political Conflict and Stratification in Hadramaut: I. *Middle Eastern Studies*, 3(4), 355–375. <http://www.jstor.org/stable/4282218>
- Gordon, Alijah. (1999). *The Real Cry of Syed Shaykh al-Hady*. Malaysian Sociological Research Institute.
- Hadigunawan, N., Saidon, R., Sabarudin, S., & Abdul Wahid, F. N. (2024). Sekufu dan Hubungannya Dalam Membina Persefahaman Antara Suami Isteri: Compatibility and Its Role In Building Understanding Between Husband And Wife. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(3), 193–202. <https://www.al-qanatir.com/aq/article/view/909>
- Hikmawan Saefullah. (2013). Kaum Arab Hadrami di Indonesia: Sejarah dan Dinamika Diasporanya. https://www.academia.edu/7901515/Kaum_Arab_Hadrami_di_Indonesia_Sejarah_dan_Dinamika_Diasporanya
- Imam Subchi. (2020). Kafa'ah among the Hadhrami Arabs in the Malay World; Anthropology of Law Approach, *Jurnal Cita Hukum* (Indonesian Law Journal), 8(2), 415-434. Doi:10.15408/jch.v8i2.16574.
- Latifah Abdul Latiff. (2016). Arab Hadhrami dan Arab peranakan di Malaysia, *Al-Hikmah*, 8(2), 19-37. <http://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/i...>
- Latifah Abdul Latiff & Muhammad Redzuan Othman, M. R. (2013). Hadhrami Sayyids In Malaya, 1819-1940. *Jurnal Usuluddin*, 38, 147–170. Retrieved

from
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/7470>

Mahayudin Yahaya. (1980). Latarbelakang Sejarah Keturunan Sayid di Malaysia. *Tamadun Islam di Malaysia*. Persatuan Sejarah Malaysia.

Mobini-Kesheh, Natalie. (1999). *The Hadrami Awakening: Community and Identity in the Netherlands East Indies, 1900-1942*. Southeast Asia Program Publications.

Muhamad Rashid Ridha. *Al-Manar*, 8(1905), 215-217. Mesir.

Nurhanisah Hadigunawan, Rafeah Saidon, Mastura Razali, & Fatin Nabilah Wahid. (2021). Kafaah: Impak Perbezaan Sosial Terhadap Kesejahteraan Rumah Tangga: Kafaah: Impact Of Social Differences On Household Welfare. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 311–322.
<https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol26no2.424>

Omar Farouk Shaeik Ahmad. (1978). The Arabs in Penang. *Malaysia in History*. Malaysian Historical Society, 21(2).

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2020). Irsyad Al-Fatwa Siri ke-421: Bolehkah ‘Syarifah’ berkahwin dengan ‘Syed’? <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/4199-irsyad-al-fatwa-siri-ke-422-bolehkah-syarifah-berkahwin-dengan-bukan-syed/>.

Pue Giok Hun. (2015). Perkahwinan Campur dan Fenomena Peranakan di Semenanjung Malaysia. Siri Kertas Kerja Kajian Etnik UKM, Bangi. <https://www.ukm.my/kita/news/skke41/>

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). Al-Kafi#1153: The Meaning of Kafa'ah (Compatibility) in Marriage. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - AL-KAFI #1153: THE MEANING OF KAFA'AH (COMPATIBILITY) IN MARRIAGE (muftiwp.gov.my) / 3 Sept.2024.

Sahih Bukhari, Koleksi 1, No. 1588.

Serjeant, R.B. (1957). *The Sayyids of Hadramawt*. An Inaugural Lecture Delivered on 5 June 1956. University of London: School of Oriental and African Studies.

Taufik, H. Otong Husni. (2017). Kafa'ah Dalam Pernikahan Menurut Islam. *Jurnal Ilmiah Galuh Justisi*. 5(2). Sept. 2017, 168-181. <http://dx.doi.org/10.25157/jigj.v5i2.795>

Ulya Ziyamatuzzahro'. (2021). Analisis Pemikiran Imam Syafi'i Terhadap Konsep Kafa'ah Dalam Perkahwinan. Jurusan Hukum Keluarga Islam Fakutas

Syariah. Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ponorogo. <https://etheses.iainponorogo.ac.id/14372/>

Van Den Berg, LWC. (1989). *Orang Arab di Nusantara*. Rahayu Hidayat (terj.). Indonesia: Indonesian Netherlands Cooperation in Islamic Studies (INIS).